

22/12/1999

Demokrasi subur melalui perbincangan, perbahasan sihat

Kadir Dikoh

DUA hari sebelum sidang pertama bagi penggal pertama Parlimen ke-10 diadakan, bekas Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat, Lim Kit Siang mengeluarkan kenyataan bahawa barisan alternatif mungkin memulau upacara angkat sumpah Ahli Parlimen. Ia dilakukan kononnya kerana mempertikai kesahihan sidang yang dijadualkan selama empat hari mulai kelmarin hingga esok.

Kelmarin, sebaik saja Dewan memulakan sidang, barisan wakil pembangkang mula membuat hal apabila Ketua Pembangkang baru di Parlimen, Datuk Fadzil Noor (Pas-Pendang) bangun dan mendesak mesyuarat ditangguhkan.

Presiden Pas itu membaca teks yang sudah disediakan, sebaik saja Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Mohd Salleh Hassan membacakan proklamasi daripada Yang di-Pertuan Agong mengenai permulaan sidang Dewan.

Belum pun sempat Mohd Salleh membaca proklamasi itu, Fadzil kelihatan berdiri menyatakan sesuatu, sebelum diteriak oleh penyokong kerajaan supaya duduk.

Fadzil berkata, notis pemberitahuan mengenai sidang itu dikeluarkan pada 13 Disember, sedangkan mesyuarat pertama Kabinet diadakan pada 15 Disember.

"Siapa yang beri nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa Parlimen mula bersidang hari ini? Mengikut fasal 40 Perlembagaan Persekutuan, prosiding ini dianggap tidak sah," katanya.

Sidang menjadi kecoh apabila seorang demi seorang anggota pembangkang bangun, menyokong kenyataan Fadzil. Mereka kelihatan seolah-olah 'sudah bersedia' untuk membahaskan isu itu. Masing-masing cuba merujuk kepada buku Perlembagaan serta prosedur Dewan meskipun sesetengahnya masih baru dan tidak biasa dengan perjalanan Dewan. Mungkin mereka sudah ditunjuk ajar cara membuat kecoh di Parlimen.

Keadaan itu menyebabkan penyokong kerajaan bangun untuk memberi penjelasan. Pada satu ketika, sekurang-kurangnya 10 anggota pembangkang dan penyokong kerajaan berdiri sambil berteriak sambil saling menuding jari.

Peristiwa bertegang leher antara pembangkang dan penyokong kerajaan itu berterusan kira-kira 40 minit, sebelum agenda pertama pelantikan semula Tun Mohamed Zahir Ismail sebagai Speaker Parlimen untuk penggal kelima, diadakan dalam keadaan sesetengah wakil pembangkang kelihatan masih berdiri dan ingin terus berhujah, tetapi tidak dihiraukan lagi oleh Setiausaha Dewan.

Peristiwa itu terus berlanjutan kira-kira 15 minit lagi sebelum Zahir akhirnya menenangkan keadaan, diikuti kemudian upacara mengangkat sumpah ahli-ahli Dewan, terlewat sejam. Ketika itu, barisan pembangkang diketuai Fadzil sudah meninggalkan Dewan. Mereka kembali semula kira-kira 80 minit kemudian dan turut mengangkat sumpah.

Di sebalik penjelasan diberi oleh Zahir dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri serta beberapa penyokong kerajaan bahawa Perdana Menteri dalam kerajaan sementara berhak dan masih mempunyai kuasa untuk menasihatkan Yang di-Pertuan memanggil sidang Parlimen, pembangkang bagaikan menutup telinga serta tidak menghormati Speaker.

Motif mereka mungkin mahu memalukan kerajaan dengan mendesak sidang ditangguh tetapi ternyata matlamat mereka gagal. Dengan 45 wakil pembangkang berbanding 30 selepas pilihan raya umum 1995, mereka cuba menunjukkan lagak.

Ini adalah kali pertama dalam sejarah, wakil pembangkang keluar Dewan sebelum mengangkat sumpah. Sebelum ini, pembangkang sering keluar dewan tetapi dilakukan ketika sidang Dewan berjalan dan selepas mereka mengangkat sumpah.

Mengikut kelaziman, Ahli Parlimen hanya boleh mengambil bahagian dalam perbahasan selepas mereka mengangkat sumpah. Menyedari hakikat ini, pembangkang akhirnya masuk semula ke dalam Dewan untuk mengangkat sumpah.

Dalam sidang akhbaranya kemudian, Dr Mahathir sedih kerana sikap pembangkang yang disifatkannya seperti samseng jalanan, menolak segala penjelasan dan lebih berminat untuk menjerit, malah tidak menghormati pelantikan Speaker.

Wakil pembangkang harus menjaga kelakuan mereka. Mereka seharusnya menyertai perbahasan secara sihat, bukan merapu dengan perkara yang terkeluar daripada tajuk perbincangan.

Rakyat Malaysia mahu melihat demokrasi terus segar. Bagi penyokong kerajaan pula, mereka tidak seharusnya terikut-ikut dengan lagak pembangkang. Setiap pihak harus banyak membuat penyelidikan sebelum mengemukakan sebarang hujah.

Mereka hendaklah memastikan kemuliaan dan keharmonian Dewan sentiasa dikekalkan. Menerusi perbincangan dan perbahasan yang sihat, sistem demokrasi dapat disuburkan.

(END)